

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**KEDUDUKAN WANITA DALAM ISLAM DAN PERLINDUNGAN NEGARA
TERHADAP MEREKA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**[THE POSITION OF WOMEN IN ISLAM AND NATIONAL PROTECTION
AGAINST THEM IN THE COUNTRY OF BRUNEI DARUSSALAM]**

IBNOR AZLI IBRAHIM,¹ NAJLA FARAHANIM ZAMRI,² NUR HAMIZAH AWANG JAMALUDIN¹
& MASURIYATI YAHYA³

¹ Faculti Shariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 373,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam
Email: tesyekkur@gmail.com

² Pusat Penyelidikan Produk Melayu dan Ketamadunan Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia
Email: najlafaranim@gmail.com

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 373,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam
Email: masuriyati.hyahya@unissa.edu.bn

*Corresponding Author: tesyekkur@gmail.com

Received Date: 10 November 2024 • Accepted Date: 20 December 2024

Abstrak

Wanita itu adalah tiang negara, jikalau wanita itu baik, maka baiklah negara dan jika mereka rosak, rosak pula sesebuah negara. Islam telah memberikan perhatian khusus terhadap wanita melalui syariahnya dan negara pula wajib melaksanakannya melalui peruntukan undang-undang, peraturan, fatwa dan polisi. Kertas kerja ini membincangkan tentang kedudukan wanita dalam Islam di samping hak mereka dalam konteks moden seperti keterlibatan wanita dalam alam pekerjaan, pelantikan hakim wanita, penglibatan wanita dalam kepimpinan negara, hak janda dan balu, hak pendidikan wanita dan berbagai isu lain yang berkaitan. Kesemuanya dikembalikan kepada perspektif Islam di samping melihat perlindungan yang diberikan oleh Negara Brunei Darussalam terhadap mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data-data berkaitan Islam dan wanita. Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan isu-isu wanita dalam Negara Brunei Darussalam juga dianalisis untuk melihat pelaksanaan perlindungan terhadap mereka dalam konteks semasa. Kajian ini mendapati bahawa wanita mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam dan Negara Brunei Darussalam mempunyai pendirian

yang berlandaskan syarak dalam melindungi wanita dalam berbagai aspek sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Keywords: Wanita, gender, Brunei Darussalam, fatwa, Pendidikan

Abstract

Women is the pillar of country. If the women are good, then the country is good and if they are broken, the country is also broken. Islam has given special attention to women through its sharia and the state is obliged to implement it through the provision of laws, regulations, fatwas and policies. This paper discusses the position of women in Islam in addition to their rights in the context of modernisation, such as the involvement of women in the workplace, the appointment of women judges, the involvement of women in national leadership, the rights of widows, women's education rights and various other related issues. All of them were returned to the perspective of Islam in addition to seeing the protection provided by Brunei Darussalam towards them. This study uses library methods to obtain data related to Islam and women. Documents related to women's issues in Brunei Darussalam were also analyzed to see the implementation of protection against them in the current context. This study found that women have a special position in Islam and Brunei Darussalam has a stance based on sharia in protecting women in various aspects whether at the national or international level.

Kata Kunci: women, gender, Brunei Darussalam, fatwa, education

Cite as: Ibnor Azli Ibrahim, Najla Farahanim Zamri, Nur Hamizah Awang Jamaludin & Masuriyati Yahya. 2024. Kedudukan Wanita dalam Islam dan Perlindungan Negara Terhadap Mereka di Negara Brunei Darussalam [The Position of Women in Islam and National Protection Against Them in The Country of Brunei Darussalam]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 8(1): 41-56.

PENGENALAN

Wanita adalah makhluk ciptaan Allah yang sangat mulia dan juga di jadikan sebagai pasangan bagi kaum lelaki. Jika dilihat daripada sudut sejarah, kebanyakan sistem masyarakat daripada pelbagai tamadun tidak meletakkan wanita pada kedudukan yang setara dengan kaum lelaki walaupun terdapat beberapa tamadun yang memuliakan wanita seperti tamadun Mesir.

Masyarakat Yunani yang terkenal dengan ketinggian peradaban meletakkan wanita di tahap yang sama rendah dengan kanak-kanak dan dianggap sebagai punca segala musibah dan maksiat yang dilakukan oleh lelaki berikutan daya tarik yang ada pada diri mereka (Al-Guri, 2002; Al-Mawdūdī, 1972). Lantaran itu, semakin cantik seseorang wanita, semakin hina kedudukannya dalam masyarakat kerana mereka adalah senjata iblis. Walaupun begitu, dalam masa yang sama, masyarakat Yunani menyembah dewa wanita yang dinamakan sebagai Aphrodik yang bertugas melayani tuhan-tuhan mereka (Hanafi Mohamed, 1998). Namun begitu, selepas perkembangan ilmu semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Yunani, kedudukan wanita mula diangkat lebih tinggi sedikit berbanding sebelumnya. Wanita mula dihadkan keberadaan mereka daripada ruang awam dan mula diletakkan sepenuhnya di dalam rumah serta diberikan kuasa urus tadbir rumah tangga (al-Zamīlī, 1984).

Menurut al-Hatimy (1979), tamadun Rom meletakkan wanita di bawah kekuasaan lelaki secara mutlak sama ada ayah, suami, anak lelaki atau ipar. Mereka tidak dibenarkan bersuara walaupun untuk membela dirinya sekiranya berlaku kezaliman dalam rumah tangga. Al-Guri (2002) juga menyebut Bangsa Rom dan Parsi bersikap tidak adil terhadap wanita dengan melakukan kekasaran dan menghukum mereka dengan hukuman yang berat terhadap kesalahan yang kecil. Mereka juga hanya menganggap wanita sebagai tempat melepaskan nafsu seksual semata-mata. Hal ini kerana akal wanita dianggap tidak sempurna untuk menguruskan dan menerima tanggungjawab walaupun terhadap diri sendiri.

Dalam masyarakat Arab Jahiliah, kedudukan wanita berbeza mengikut kabilah yang berbagai. Perkara ini dapat dilihat dengan keunggulan Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid r.a. yang mendapat tempat yang sangat tinggi dalam masyarakat. Dalam masa yang sama, kabilah Kandah, Tamīm dan Rabī'ah mempunyai pandangan serong terhadap wanita. Kelahiran bayi perempuan menjadikan mereka dibelenggu dengan perasaan malu, kehinaan dan kemurungan yang menyebabkan mereka menjauhkan diri daripada masyarakat (Al-Ulūsī, 1925). Selain itu, wanita juga tidak diberikan hak perwarisan dan pemilikan harta. Imam al-Ṭabarī dalam tafsirnya menyatakan bahawa ayat ketujuh daripada surah al-Nisā' diturunkan untuk memberikan hak perwarisan kepada wanita memandangkan ia tidak diberikan sebelum ini dalam masyarakat jahiliah (Al-Ṭabarī, t.th).

KEDUDUKAN WANITA DALAM ISLAM

Kedatangan Islam telah memberikan kemuliaan dan penghormatan terhadap wanita setara dengan kaum lelaki. Perkara ini telah dapat difahami melalui ketinggian kedudukan seorang ibu dalam kehidupan anak lelaki dan ketinggian kedudukan suami dalam kehidupan isteri. Ini menunjukkan bahawa kaum lelaki dan wanita adalah golongan yang berbeza dan mempunyai kedudukan yang mulia dengan cara tersendiri. Wanita diberikan penghormatan yang sangat tinggi sama ada sebagai anak, ibu, isteri atau saudara perempuan.

Kedudukan Wanita Dalam Institusi Keluarga

Penghormatan Terhadap Ibu

Dalam al-Quran, Allah s.w.t. berfirman berulang kali jasa ibu secara khusus berbanding bapa. Dalam Surah Luqman, Allah s.w.t. menyebut kesusahan ibu mengandung dan menyusui agar anak tersebut berbakti dan berterima kasih terhadap ibunya.

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ وَفِصْلُ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ

Maksud: Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu-bapanya; ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusunya selama dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua orang ibu bapamu. Hanya kepada-Kulah kembalimu (Surah Luqman: 14-15)

menghadapinya dengan sabar. Demikian itu, kamu akan memasuki syurga. Seorang perempuan telah bertanya “ sekiranya dua orang ?” sabda Rasulullah s.a.w. lagi: “Walaupun dua orang.”

Dalam Surah al-Syura ayat 49-50 yang menyebutkan tentang anugerah anak kepada ibu bapa, al-Arahbi mentafsirkan bahawa kehadiran anak perempuan disebut terlebih dahulu untuk menggembirakan ibu bapa yang berat hati menerima berita tersebut pada zaman jahiliah (Al-Rahbi, 2014).

ISLAM DAN PERSAMAAN HAK GENDER

Gender adalah suatu konsep yang digunakan untuk mengidentifikasikan perbezaan di antara lelaki dan wanita yang dapat dilihat dari segi pengaruh budaya sosial. Dalam al-Quran terdapat beberapa prinsip berkenaan gender yang dikenal pasti sebagai simbol persamaan hak antara lelaki dan wanita. Prinsip-prinsip ini adalah seperti berikut:

Kedudukan yang sama sebagai hamba Allah SWT

Lelaki dan wanita mempunyai kedudukan yang sama iaitu sebagai hamba Allah. Tujuan utamanya adalah untuk menyembah Tuhan sebagaimana di tegaskan dalam al-Quran:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksud: Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku (Surah al-Dhāriyāt:56)

Di dalam Islam, tidak ada perbezaan di antara lelaki dan wanita, sesiapa yang memperbanyakkan amal ibadahnya, maka dialah yang akan mendapat pahala yang banyak tanpa melihat dan mempertimbangkan jenis jantinya.

Memikul Tanggungjawab Khalifah yang Sama

Lelaki dan wanita adalah sama sebagai khalifah Allah untuk patuh segala perintah Allah sebagaimana di tegaskan dalam al-Quran:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيُبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksud: Dan dialah menjadikan kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi dan dia mengangkat (darjat) sebahagian kamu di atas yang lain, untuk mengujimu atas (kurnia) yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu sangat cepat memberikan hukuman dan sungguh dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (Surah al-An’ām:165)

Perkataan khalifah di dalam ayat tersebut tidak menunjukkan kepada salah satu jenis kelamin atau kelompok tertentu sahaja. Lelaki dan wanita mempunyai fungsi yang sama sebagaimana mereka bertanggungjawab sebagai hamba Allah (Fuad, 2002). Wanita juga diberi kepercayaan untuk melaksanakan tugas-tugas khalifah di muka bumi dan dijanjikan pahala yang sama dengan kaum lelaki. Tugas ini merangkumi kepelbagaian tanggungjawab keduniaan yang berada di atas dua paksi iaitu menggembeleng tenaga untuk mengharmonikan masyarakat dengan nilai-nilai yang baik dan bermanfaat dan menyanggah perkara yang membawa keburukan. Allah s.w.t. berfirman:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ
إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksud: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, seketengahnya menjadi penolong kepada sebahagian yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; mereka mendirikan solat dan memberikan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana (Surah al-Tawbah:71)

Menerima Perjanjian yang Sama

Lelaki dan perempuan adalah sama di dalam menerima perjanjian primordial seperti yang kita ketahui. Ketika seorang anak manusia keluar dari rahim ibunya, ia terlebih dahulu menerima perjanjian dengan Tuhannya, sebagaimana di sebutkan dalam Al-Quran:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ
تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Maksud: Dan (ingatlah), Ketika tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): bukankah aku ini Tuhanmu? Mereka menjawab “betul (engkau Tuhan kami), kami bersaksi”. (kami melakukannya) agar pada hari kiamat kamu (tidak) mengatakan, “sesungguhnya kami lengah terhadap hal ini” (Surah al-A’rāf:172)

Mempunyai Hak Meraih Prestasi dengan Potensi yang Sama

Lelaki dan wanita mempunyai potensi yang sama untuk meraih prestasi yang baik di wanita. Allah s.w.t berfirman:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ

Maksud: Barang siapa yang mengerjakan kebajikan, baik lelaki mahupun wanita dalam keadaan beriman, maka pasti akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan akan kami beri balasan dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan (Surah al-Nahl:97)

Ayat tersebut menunjukkan tentang konsep persamaan gender yang ideal dan memberikan ketegasan bahawa prestasi individu tidak semestinya di monopoli oleh kaum lelaki sahaja, lelaki dan wanita berpeluang untuk memperoleh kesempatan yang sama untuk memperoleh prestasi yang optimum. Justeru, wanita diberi hak untuk mendapatkan ilmu, memiliki harta dan berkerjaya.

i. Hak Berkerjaya dan Memimpin

Dalam Islam, wanita layak untuk berada di ruang awam dan bekerja untuk memenuhi tanggungjawab dan peranan mereka sebagai khalifah mengikut kehendak semasa. Menurut Al-Darkazli (1997), antara faktor yang mendorong kepada keperluan wanita untuk bekerja adalah tuntutan ekonomi dan kewangan, tuntutan sosial dan tuntutan psikologi. Oleh itu, Muhammad al-Ghazali (1989) menyatakan kaum wanita berhak dan dibolehkan untuk terlibat dalam kerja-kerja seperti lelaki sama ada di dalam atau di luar rumah. Namun begitu, ia harus memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk menjaga fitrah wanita. Syarat-syarat tersebut disebutkan dalam buku beliau, *Al-Sunnah Bayna Ahl Al-Fiqh wa Ahl Al-Hadith* seperti berikut:

- a. Jaminan keselamatan
- b. Jaminan terhadap kesejahteraan masa depan keluarga dan rumah tangga
- c. Menjaga batas-batas dan nilai kesopanan yang ditetapkan oleh Islam.

Sekiranya syarat-syarat tersebut berjaya dipenuhi, wanita diharuskan untuk memiliki kerjaya dalam pelbagai bidang termasuk sosial, ekonomi dan politik. Walaupun kerjaya adalah batu loncatan kepada pembangunan masyarakat dan negara, wanita tidak harus mengabaikan peranan utama mereka dalam institusi keluarga kerana jasmani, emosi dan psikologi wanita dibina khusus untuk memenuhi tanggungjawab utama ini.

Dalam melaksanakan tuntutan kerjaya, wanita dibenarkan untuk menjadi pemimpin kepada sesebuah organisasi atau jabatan sekiranya mereka memiliki kelayakan. Menurut tafsir HAMKA (2022), perkataan *بعضهم أولياء بعض* dalam ayat ke-71 Surah al-Taubah menunjukkan bahawa lelaki dan wanita sama-sama menolong dalam membela dan memimpin dalam urusan agama dan dunia. Ia bermaksud kuasa pimpinan tidak terletak mutlak ke atas bahu kaum lelaki, bahkan dalam sesetengah perkara, perempuan juga boleh memimpin lelaki.

Keadilan dalam al-Quran mencakup segala segi kehidupan umat manusia, baik sebagai individu mahupun sebagai anggota masyarakat. Oleh itu Al-Quran bersikap adil terhadap lelaki dan wanita tanpa melihat kepada gendernya (Al-Qaradawī, 2003). Dalam isu persamaan gender, hak-hak wanita dalam lingkungan sosial diiktiraf sama seperti lelaki walaupun terdapat perbezaan untuk meraikan fitrah dan menjaga kehormatan wanita.

ii. Hak Menentukan Perkahwinan

Tidak hanya lelaki, wanita juga mempunyai hak untuk memilih pasangan hidup yang dapat membawa kebahagiaan kepadanya melalui pernikahan. Jika seorang wanita sudah cukup usia untuk mendirikan rumahtangga, maka menjadi kewajipan kepada ibu bapa wanita tersebut untuk memikirkan dan memilihkan jodoh yang terbaik untuk anaknya. Namun, wali tersebut wajib meminta persetujuan anak perempuannya kerana pernikahan tanpa kerelaan wanita tersebut adalah tidak sah (Sayid, 1983). Ibn Taymiyyah (1997) dalam Majmū' al-Fatāwā membawa hadith Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

الْأَيْمُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا ، وَالْبِكْرُ تُسْتَأْذَنُ ، وَإِذْنُهَا صَمَاتُهَا وَفِي رِوَايَةِ الثَّيْبِ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا

Maksud: Wanita janda lebih berhak terhadap dirinya daripada walinya dan anak gadis diminta pertimbangannya manakala izinnya adalah diamnya.

Dalam tempoh perkahwinan pula, ketaatan isteri terhadap suami didasari kepada tanggungjawab suami untuk menafkahnya. Suami haruslah memperlakukan isterinya dengan baik dengan memberinya nafkah zahir dan batin. Suami akan menanggung tiga keperluan asas pasangannya iaitu makanan, tempat tinggal dan pakaian (Al-Zuhaily, 2011). Manakala menurut Imam al-Ghazali (2012), nafkah batin ialah penghormatan, perlakuan yang adil dan toleransi mengikut kesesuaian akal dan perasaan isteri.

Wanita juga diberikan hak untuk membubarkan perkahwinan walaupun talak berada di bawah kuasa suami. Dalam undang-undang perkahwinan dan keluarga Islam, proses ini melibatkan khulū', li'ān, ta'līq dan fasakh mengikut situasi dan boleh menuntut harta sepencarian serta mendapatkan nafkah selagi perceraian tidak berlaku. Talak pula haruslah dijatuhkan dengan cara yang baik (Al-Hamd, 1429H).

iii. Hak Mendapatkan Ilmu

Pendidikan merupakan keperluan fitrah akal manusia. Lantaran itu, Allah s.w.t. telah mewajibkan wanita untuk menuntut ilmu. Memandangkan mereka memikul amanah yang besar untuk membangunkan dunia mengikut landasan syarak, keperluan fungsi akal sebagai sumber ilmu adalah sangat bertepatan dengan matlamat ini. Hal ini kerana seorang wanita akan menjadi seorang ibu kepada anak-anaknya dan mereka memiliki kewajipan untuk mendidik mereka kelak. Ilmu sangatlah penting sebagaimana firman Allah:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksud: Sesungguhnya Kami telah membentangkan amanah tersebut kepada langit dan bumi dan bukit-bukau namun mereka enggan dan gerun untuk memikulnya. Dan manusia mahu untuk memikulnya. Sesungguhnya dia (manusia) itu sungguh zalim dan jahil (Al-Aḥzāb:71).

Rasulullah s.a.w. juga mengarahkan para wanita yang masih dalam tempoh haid untuk turut serta mendengar khutbah ilmu pada kedua-dua hari raya (Al-Hasin, 2004). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa wanita berhak diberikan pendidikan sewajarnya dan keperluan ilmu dalam diri mereka adalah sangat penting.

PERSAMAAN HAK GENDER DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

UNICEF (2017) mendefinisikan persamaan hak gender adalah keadaan bagi wanita dan lelaki yang menikmati status dan keadaan yang sama untuk merealisasikan hak asasinya secara penuh dan sama-sama berpotensi dalam menyumbangkannya di dalam pembangunan negara. Konsep persamaan hak gender ini telah dijelaskan di dalam Al-Quran:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Maksud: Orang-orang yang percaya kepada Tuhan yang Maha Esa, lelaki dan perempuan saling bantu-membantu dalam kerja-kerja mengajak kepada kebaikan dan menegah dari kemungkaran (Surah al-Tawbah:71)

Di bumi negara Brunei Darussalam ini, kita akan merasa amat bertuah menjadi Rakyat Negara Brunei Darussalam kerana dikurniakan Pemimpin yang adil iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wa al-Daulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien. Baginda ialah seorang yang berpandangan jauh dan peduli terhadap semua kebajikan rakyat. Penerapan hak persamaan gender di Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

Perubatan di Negara Brunei Darussalam

Dalam misi menyediakan penjagaan kesihatan yang baik untuk semua Rakyat di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan telah menyediakan perubatan dan penjagaan kesihatan percuma kepada semua rakyat dan penduduk di negara ini tidak kira lelaki mahupun wanita. Penjagaan kesihatan yang percuma di negara ini boleh didapati melalui hospital kerajaan, pusat-pusat penjagaan kesihatan dan klinik-klinik kesihatan.

Penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman juga tidak terkecuali untuk mendapatkan perkhidmatan doktor udara. Kerajaan melalui kementerian kesihatan di negara juga terus berkembang maju dengan menyediakan peralatan dan kemudahan berteknologi tinggi untuk memberi perkhidmatan lebih berkualiti kepada pesakit lelaki mahupun wanita bagi menjaga kesihatan rakyat di negara ini dengan lebih baik (Syahmi Hassan, 2019). Malah pada tahun 2015, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah menyediakan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak untuk memudahkan wanita mendapatkan rawatan-rawatan yang khusus dengan lebih baik (Fokus Kesihatan, 2015).

Pendidikan di Negara Brunei Darussalam

Program Pendidikan di negara ini bertujuan melahirkan rakyat yang berakhlak dan beragama serta dapat menguasai teknologi. Persekolahan di peringkat rendah hingga di peringkat universiti bagi sekolah-sekolah kerajaan adalah percuma kepada rakyat dan penduduk tetap di negara ini tanpa mengira jantina dengan pemberian biasiswa. Program ini tidak tertakluk kepada pendidikan dalam negara bahkan setiap pelajar yang layak juga boleh memohon biasiswa ke pengajian di luar negara secara percuma.

Mahasiswa dan mahasiswi penduduk tetap di negara ini juga diberikan elaun sara hidup untuk menampung kehidupan mereka semasa melanjutkan pelajaran. Bagi pelajar lelaki dan perempuan yang berasal dari keluarga yang kurang kemampuan juga tidak terkecuali untuk mendapatkan bantuan dari pihak kerajaan dan swasta di negara ini bagi membantu mereka untuk membeli peralatan sekolah dan juga bagi mendorong mereka meningkatkan pencapaian pembelajaran. Dengan Pendidikan yang percuma di negara ini akan dapat melahirkan cendekiawan berjaya dan berpendidikan yang akan memajukan negara ini serta dapat melahirkan ramai lagi pakar-pakar yang berjaya bagi membantu memajukan pembangunan ekonomi di negara ini (High Commission of Brunei Darussalam in London, 2018).

Pencen-pencen Tua dan Elaun Kurang Upaya

Pada 1 Januari 1955, Skim Pembayaran Pencen tua dan Orang-orang Cacat telah dikuatkuasakan sebagaimana yang dihasratkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali saifuddin Saadul Khairi Waddien iaitu Sultan Brunei yang ke-28 supaya skim ini dimasukkan dalam rancangan kemajuan negara yang pertama. Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertua Negara. Brunei Darussalam telah bertitah pada sambutan Nuzul Al-Quran peringkat negara Tahun 1427 Hijrah bersamaan 2006 Masihi. “[...] mereka itu dikenang dan akan terus dikenang kerana di antara sekalian ramai warga tua itu tentu sahaja terdapat sekian ramai pula mereka yang berjasa kepada negara”.

Matlamat utama skim ini ialah sebagai tanda kesyukuran kerana mencapai usia 60 tahun ke atas tanpa mengira status dan gender. Ia juga dilihat dapat meningkatkan taraf kehidupan golongan warga emas dan orang kurang upaya di negara ini. Bagi menaikkan taraf kehidupan golongan berkenaan, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertua Negara Brunei Darussalam telah mengumumkan mengenai kadar kenaikan pencen tua yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2006 semasa sambutan Nuzul al-Quran tahun 1427 Hijrah bersamaan 9 Oktober 2006 Masihi. Bagi pencen tua dan bayaran bagi orang buta, kusta, tidak siuman dan bagi penyakit Hansen dan cacat kadar semasa \$200.00 dinaikkan menjadi \$250.00, manakala tanggungan umur 15 Tahun dan ke bawah \$90.00 kepada \$113.00 dan \$15 tahun ke atas dari \$150.00 kepada \$188.00 (Pg Hjh. Patimah, 2024).

Sektor Pekerjaan dan Kesetaraan Gender

Di Negara Brunei Darussalam, lebih separuh daripada perusahaan kecil dan sederhana di miliki oleh wanita yang telah berdikari di dalam bidang ekonomi. Ini jelas membuktikan bahawa bidang ekonomi di negara ini bukan hanya digalas oleh golongan lelaki sahaja malah kaum

wanita juga sama-sama bekerja keras memajukan ekonomi negara. Selain itu, wanita di Negara Brunei Darussalam mempunyai peluang yang sama rata untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, khususnya di dalam bidang-bidang yang sentiasa berkembang seperti bidang ICT. Perkara ini dapat dilihat dengan kewujudan program Girls in ICT Day sempena sambutan Hari Perempuan (Pelita Brunei, 2023). Dengan Pendidikan yang progresif dan peluang pekerjaan yang sama rata, para wanita telah pun mencapai kedudukan dalam bidang-bidang profesional termasuk perubatan, undang-undang, perniagaan dan kejuruteraan di negara ini (Sim Y. H., 2023).

Wanita Brunei di Arena Antarabangsa

Peranan wanita di negara Brunei Darussalam bukan hanya setakat di dalam negara sahaja, malahan mereka juga aktif mengadakan aktiviti di peringkat serantau dan antarabangsa. Contohnya Majlis Wanita Brunei Darussalam (MWNBD) telah mengadakan lawatan kerja dan pertukaran maklumat sesama pertubuhan wanita serantau serta menghadiri beberapa bengkel dan mesyuarat serantau dan antarabangsa (Pelita Brunei, 2024). Malah, pelaburan dalam keusahawanan wanita seperti eBunda, BIBD Seed, Women InnovateHer Workshop dan beberapa lagi juga dilakukan dipercayai dapat meningkatkan sosio ekonomi negara (Pelita Brunei, 2024). Aktiviti seumpama ini membolehkan para wanita menjadi lebih bermaklumat serta memperkasa aspek-aspek yang boleh membina negara bangsa yang lebih baik. Penglibatan mereka itu bukan hanya semata-mata membawa nama negara ke arena antarabangsa, malahan juga dapat dijadikan platform bagi wanita-wanita terlibat untuk meningkatkan taraf kaum wanita di negara ini dalam bidang-bidang yang diceburi.

PENDIRIAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM ISU-ISU WANITA ANTARABANGSA

Kekuatan pegangan akidah Ahlu Sunnah wa al-Jamaah dalam kalangan masyarakat Brunei Darussalam adalah tonggak keharmonian beragama dan kesejahteraan. Oleh itu, Kerajaan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertua Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat terhadap pemeliharaan akidah umat Islam di negara ini. Oleh itu, Negara Brunei Darussalam mempunyai pendirian sendiri bagi isu-isu yang berkaitan dengan wanita antarabangsa. Antaranya ialah:

Hukuman Hudud di Brunei Bagi Golongan LGBT

Bermula 3 April 2019, mana-mana individu yang melakukan kesalahan yang bertentangan dengan syariah seperti pasangan sejenis seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) bakal berdepan dengan hukuman hudud di Negara Brunei Darussalam (Mohammad Arifin, 2018). Undang-undang ini secara rasminya dinyatakan menerusi kenyataan akhbar dari jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam pada 30 Mac 2019 lalu. Memetik kenyataan tersebut, sebagai sebuah negara Islam yang berdaulat dan menguatkuasakan undang-undang tersendiri. Selama ini Negara Brunei Darussalam mengamalkan dua sistem perundangan iaitu Undang-Undang Syariah dan Common Law.

Dalam melaksanakan sepenuhnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 pada 3 April 2019, kedua-dua sistem akan terus berjalan siring bagi mengekalkan keamanan dan ketenteraman serta memelihara agama, kehidupan, keluarga dan individu tidak mengira jantina, warga dan kepercayaan. Undang-undang syariah, di samping menghukum dan mencegah perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam, ia juga bertujuan untuk mendidik, menghormati dan melindungi hak yang sah semua individu, masyarakat yang sah semua individu, masyarakat atau warganegara di sisi undang-undang tidak mengira agama atau bangsa (Mohammad Arifin, 2018).

Brunei Darussalam Mengecam Kekerasan Zionis Israel Terhadap Kaum Wanita

Negara Brunei Darussalam bekerjasama dengan negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia bagi mengeluarkan satu pernyataan yang mengutuk keras tindakan Israel yang agresif terhadap warga Palestin termasuk wanita. Antara kekejaman yang dilakukan oleh tentera zionis Israel terhadap kaum wanita di Palestin ialah:

a. Penyeksaan

Tentera Israel kerap melakukan penyeksaan terhadap kaum wanita di Palestin. Penyeksaan tersebut meliputi tindakan memukul, menarik rambut wanita dan berbagai lagi kekerasan yang mereka lakukan kepada kaum wanita di Palestin. Tindakan ini menyebabkan bekas tahanan wanita melalui fasa ketakutan dan trauma yang sangat kuat walaupun telah dibebaskan dari penjara.

b. Pemerksaan

Penyeksaan secara fizikal yang di lakukan tentera Israel terhadap kaum wanita turut merangkumi pemerksaan. Zionis Israel menjadikan kaum wanita sebagai pemuas nafsu sehingga menyebabkan kaum wanita di Palestin sangat takut untuk mendapatkan keadilan terhadap diri mereka kerana bimbang diperksa.

c. Pembunuhan

Seorang wanita Israel yang bernama Razan Al-Najjar merupakan seorang paramedik Palestin telah ditembak oleh tentera Israel ketika melakukan aktiviti kesukarelawanan terhadap warga Palestin yang cedera. Kejadian mengakibatkan berlakunya demonstrasi besar-besaran di Gaza. Walaupun begitu, Razan al-Najjar bukanlah wanita pertama yang dibunuh oleh zionis Israel. Terdapat ribuan wanita yang telah menjadi mangsa pembunuhan sejak negara haram itu ditubuhkan.

d. Diperlakukan dengan Tidak Berperikemanusiaan

Kaum wanita yang berada di dalam tahanan tentera Israel juga diperlakukan dengan tidak berperikemanusiaan. Ketika berada di dalam tahanan, mereka ditempatkan di dalam keadaan

tempat yang sungguh menyedihkan seperti tempat tidur yang basah tanpa diasingkan tempat pembuangan najis. Selain itu bekalan air dan minuman juga terbatas serta makanan yang disediakan bagi tahanan wanita sangat kotor dan dikerumuni oleh lalat.

e. **Disekat Daripada Kebebasan Untuk Bersuara**

Tahanan wanita yang telah bebas dilarang untuk menceritakan apa yang mereka alami ketika di dalam tahanan. Mereka diberi ugutan daripada pihak penjara Israel untuk menyebarkan foto-foto mereka yang diperkosa di dalam penjara kepada orang awam (Alissa & Beck, 2020).

Brunei Mencegah Kegiatan Pelacuran

Agama Islam telah mengharamkan segala aktiviti pelacuran. Allah s.w.t. telah berfirman:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّوْجَ إِذْهُ كَانَ فُجْشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksud: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah salah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan) (Surah al-Isrā':32)

Ayat ini menerangkan tentang segala perbuatan yang membawa kepada zina seperti pelacuran, berkhawat dan sebagainya adalah haram dan hendaklah di jauhi. Negara Brunei Darussalam adalah negara yang mempraktikkan cara hidup yang berdasarkan konsep-konsep Melayu Islam Beraja yang menempatkan kedudukan Islam pada tempat yang paling tinggi, segala ketidakadilan dan sesuatu yang berunsur kepada maksiat adalah di larang keras di negara ini (Abd Ghofur, 2015).

Menurut bab 294A Akta Kanun Hukuman Jenayah Syariah, mana-mana pihak yang didapati melakukan kegiatan pelacuran di negara ini akan diberikan hukuman bagi kesalahan yang pertama iaitu denda tidak kurang daripada \$500 dan tidak melebihi \$5000 serta penjara selama setahun, manakala bagi kesalahan kedua dan yang berikutnya, denda tidak kurang daripada \$1000 dan tidak melebihi \$10,000 dan penjara sehingga tiga tahun.

Menurut bab 294B Akta Kanun Hukuman Jenayah Syariah, sesiapa yang melanggan untuk mendapatkan layanan pelacuran akan diberikan hukuman penjara dalam jangka waktu tidak kurang daripada setahun dan denda tidak kurang daripada \$1000 dan tidak melebihi daripada \$5000 bagi kesalahan yang pertama, manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya akan dikenakan hukuman penjara tidak kurang daripada tiga tahun dan denda tidak kurang daripada \$2000 dan tidak lebih daripada \$10,000 (Hayati Mohd Salleh, 2016).

Oleh itu kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam hendaklah merasa bersyukur kerana memiliki seorang raja yang sangat prihatin dalam hal-hal yang berkaitan dengan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara, serta menjadikan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah sebagai pegangan bagi menghindari daripada kekacauan dan kemusnahan bangsa dan negara (Abd Ghfour, 2015).

KESIMPULAN

Suatu perkara yang menarik tentang pembelaan Islam terhadap wanita ialah keseragaman para anbia' semenjak turunnya Nabi Allah Adam a.s. ke bumi sehingga kehadiran nabi terakhir iaitu junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Kesemua mereka menjalankan tugas yang sama dalam memelihara martabat wanita. Al-Quran memberikan penghormatan kepada wanita di dalam al-Quran dengan memberikan satu nama surah untuk wanita iaitu Surah al-Nisā' yang kaum lelaki tidak memperolehinya. Negara Islam pula adalah pelaksana kepada peraturan yang telah wujud dalam al-Quran dan hadis ini. Negara Brunei Darussalam sebagai contoh, adalah antara negara Islam dalam dunia yang sangat menitikberatkan kedudukan wanita dalam negara dari semua sudut. Perlindungan yang sempurna terhadap wanita bakal menjadikan negara makmur dan beroleh barakah. Ini adalah kerana mempunyai peranan yang sangat besar sebagai ibu yang melahirkan pemimpin, perajurit dan ilmuwan kepada negara. Maka, sumber kekuatan negara ini perlu dijaga dengan sebaiknya.

RUJUKAN

- Abd. Ghofour. (2015). *Islam dan Politik di Brunei Darussalam*. Indonesia: Media Berkomunikasi Umat Beragama.
- Abdul Faqir al-Faani Muhammad. (2017). *Maṭla' al-Badrain Wa Majma' al-Bahrain*. Batu Caves: Al-Hidayah House of Publishers.
- Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim al-Mughirah. (2002). *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Beirut: Ibn Kathīr.
- Al-Darkazlī, Shazā Salmān. (1997). *Al-Mar'ah al-Muslimah fī Muwajjihāh al-Taḥdiyat al-Mu'āṣirah*. Oman: Rawā'i Majdalāwī.
- Alissa, F. A. R. A. Dan Beck, E. (2020). Sexual Violence as a War Weapon in Conflict Zones: Palestinian Women's Experience Visiting Loved Ones in Prisons and Jails. *Journal of Women and Social Work*. 37(2):1-15.
- Fokus Kesihatan. (2015). Kementerian Kesihatan Negar Brunei Darussalam. Dilayari pada: 27 Jun 2024. Dilayari di: <https://www.moh.gov.bn/Fokus%20Kesihatan/Fokus%20Kesihatan%20April2015.pdf>
- Fuad ala Mukim, (1423H/2002M), *Makānah Al-Mar'ah Bayna Al-Mu'āṣarah wa Syarī'ah al-Islam*. Mesir: Jami'ah Al-Azhar
- Al-Ghazālī. Abū Ḥamid. (2012). *Marriage and Sexuality in Islam*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Al-Ghazālī, Syeikh Muḥammad. (1989). *Al-Sunnah Bayna Ahl Al-Fiqh wa Ahl Al-Hadith*. Beirut: Dār al-Syuruq.
- Al-Guri, Said Abdul Majid. (1424H/2002M). *Makānah al-Mar'ah fī al-Islām*. Cet. 1. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- HAMKA. (2022). *Buya HAMKA Berbicara Tentang Perempuan*. Jejak Tarbiah: Bandar Baru Bangi.
- Al-Hamd, Adil bin Hassan bin Yussof. (1429H). *Dawr Al-Mar'ah fī Ri'āyah al-Ussrah*. Bahrain: Al-Rifa'.

- Hanafi Mohamed. (1998). *Membentuk Keperibadian Mithali dan Menangani Krisis Moral Wanita Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Al-Hatimy, Said Abdullah Seif. (1979). *Women in Islam*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Al-Ḥaṣīn, Ahmad bin ‘Abd ‘Azīz. (2004). *Al-Mar’ah al-Muslimah Amām al-Taḥḍiyāt*. Kaherah: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Hayati Mohd Salleh. (2016). *Undang-Undang Brunei Penggal 22 Kanun*, Attorney General: Brunei Darussalam.
- Ibn Hibban. (2009). *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*. Ahmad Muhammad Shakir. (pnyt.). Mesir: Dār al-Ma’ārīf.
- High Commission of Brunei Darussalam in London. (September 2018). *Introducing Brunei*. Dilayari pada 26 Jun 2024. Dilayari di: <https://www.mfa.gov.bn/uk-london/SitePages/bruneiintroduction.aspx>
- Ibn Taymiyyah. (1418H/1997M). *Majmū’ al-Fatāwā*. Mansourah: Dār al-Wafā’
- Al-Maudūdī, Abū al-‘A’lā. (1972). *Purdah and the Status of Women in Islam*. Lahore: Islamic Publication
- Mohammad Ariffin Ismail, (2016M), *Cabaran Aqidah : Pemikiran Islam Liberal*. Malaysia: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Al Muslim, Muslim ibn al-Ḥajjaj al-Nisaburi. (1991). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār ‘Ilmiyyah.
- Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor. (7 Julai 2024). *Pelita Brunei: Lebih BND43 juta bayaran Pencen Umur Tua*. Dilayari pada: 27 Jun 2024. Dilayari di: <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202015/NewDisplayForm.aspx?ID=7745&ContentTypeId=0x010019D4775530EA034AAED4965A45E8A2AE>
- Anon. (5 Mei 2023). *Pelita Brunei: Tekankan kepentingan, kemahiran dalam ICT*. Dilayari pada 27 Jun 2024. Dilayari di: <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=46912>
- Anon. (7 Februari 2024). *Pelita Brunei: Kongsy inisiatif dalam memperkasa penglibatan Wanita*. Dilayari pada: 27 Jun 2024. Dilayari di: <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=51110>
- Anon. (8 Mac 2024). *Pelita Brunei: Wanita pemacu pertumbuhan ekonomi, kelestarian masyarakat*. Dilayari pada: 27 Jun 2024. Dilayari di: <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=51766>
- Al-Rahbi, Mayah. (2014). *Al-Islām wa al-Mar’ah*. Cet. 1 Suria: Al-Rahbah li al-Nashr wa At-Tauzi’.
- Sayid Sabiq. (1983M). *Fiqh al-Sunnah*. Juz 2. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Syahmi Hassan. (15 Julai 2019). *Media Permata: Keprihatinan Raja Berdaulat*. Dilayari pada: 2 Februari 2024. Dilayari di: <https://mediapermata.com.bn/keprihatinan-raja-berdaulat/>
- Sim, Y.H.. (6 May 2023). *Media Permata: Perkasa wanita muda dalam bidang ICT*. Dilayari pada 27 Jun 2024. Dilayari di: <https://mediapermata.com.bn/perkasa-wanita-muda-dalam-bidang-ict-2/>
- Al-Ṭabarī, Abī Ja’fār Muhammad bin Jarīr. T.th. *Tafsīr al-Ṭabarī*. Mahmud dan Ahmad Syakir. (pnyt.). Jilid 7: Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.

Al-Ulūsī, Mahmūd Syukrī. (1925M/1343H). *Bulūgh al-Arib fī Ma'rifat Aḥwāl al-'Arab*.

UNICEF Regional Office for South Asia. (2017). *Glossary of Terms and Concepts*. Kathmandu.

<https://www.unicef.org/rosa/media/1761/file/Genderglossarytermsandconcepts.pdf>

Al-Athrī, Muhammad Bahjah. (pnyt.). Jil.3 (ed. 2). Mesir: Dār al-Kitāb.

Yusuf Qaradhawi (2003). *Perempuan dalam pandangan Islam*.

Al-Zamālī, Mahdiah Syahādah. (1984). *Libās al-Mar'ah wa Zīnatuhā fī Fiqh al-Islāmī*. Al-Jazair: Dar al-Furqan.

Al-Zuhayli, Wahbah. (2011). *Fiqh Islam wa Adillatuhu*. Jil. 9. Jakarta: Gema Insani.